

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH
EMPAT (4) UNIT ALAT UKUR TOTAL STATION TOPCON**

Kementerian atau Jabatan:
 Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perlis
 Jalan Penjara,
 01000 Kangar,
 Perlis

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Siri Pendaftaran Aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Alat Ukur Total Station TOPCON	TANAH/TNH01/R/2024/0059	4	400.00
		TANAH/TNH01/H/2001/ELEK/00000001		
		TANAH/TNH01/H/2002/ELEK/00000003		
		TANAH/TNH01/H/2002/ELEK/00000001		


2. Aset boleh dilihat pada **02 September 2024 (Isnin)** hingga **09 September 2024 (Isnin)** di antara jam **10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** di Unit Khidmat Pengurusan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perlis. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi pegawai berikut di talian:

Hasnur Husna Binti Hasnan – 04-9765501
 Nurul Natasha Alia Binti Ramli – 04-9765501

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di Para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **PTG.Ps(S) 400-5/6/6** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

Pengarah
 Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perlis,
 Unit Khidmat Pengurusan,
 Aras 1, Jalan Penjara,
 01000 Kangar,
 Perlis

5. Tarikh tutup sebut harga pada **09 September 2024 (Isnin) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
6. Hanya penyebut harga yang memenuhi syarat sebut harga sahaja yang layak untuk dipertimbangkan. Syarat sebut harga adalah seperti di **Lampiran**.


(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat:

Tarikh: **NORSHAFARINA BINTI SAARI**
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Cap: **29/8/2024**
Negeri Perlis



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5% daripada harga tawaran** bagi setiap aset atau **RM5,000** mengikut **mana yang terendah**. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **BENDAHARI NEGERI PERLIS**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa beliau sendiri atau pegawai lain yang menguruskan sebut harga tidak mempunyai sebarang kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai sebut harga itu. Jika Ketua Jabatan atau pegawai-pegawai lain yang menguruskan sebut harga mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak, Ketua Jabatan atau pegawai berkenaan hendaklah mengisyiharkan kepentingan secara bertulis dan menarik diri daripada menguruskan sebut harga itu.
10. Urusetia sebut harga tidak dibenarkan menyertai sebut harga kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.
11. Bagi pembeli yang tidak berjaya, deposit akan dikembalikan dengan syarat resit rasmi asal dikemukakan.